

Headline	Kepakaran orang asli		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 Sep 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	1to3	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	2561 cm²
Journalist	Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD		
Frequency	Daily	AdValue	RM 50,616
		PR Value	RM 151,849



mega

Kepakaran Orang Asli

ILMU berkaitan khasiat herba dan tumbuhan hutan yang dimiliki masyarakat Orang Asli wajar dipelihara dan didokumentasikan.

Minuman Herba
Akar Kayu

Headline	Kepakaran orang asli		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 Sep 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	1to3	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	2561 cm²
Journalist	Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD		
Frequency	Daily	AdValue	RM 50,616
		PR Value	RM 151,849

④ **MegaFokus**

Kelangsungan pengetahuan tradisi

Kekayaan khazanah daripada amalan dan penggunaan masyarakat Orang Asli wajar diwarisi

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD

DI Malaysia, masyarakat Orang Asli antara komuniti yang masih mengekalkan amalan perubatan tradisional sehingga ke hari ini.

Bagaimanapun, komuniti itu juga kini sedang berdepan dengan kerosotan ilmu pengetahuan tradisi atas pelbagai faktor.

Menurut penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr. Norini Harun, antara faktor yang menyebabkan ilmu pengetahuan itu semakin merosot adalah kerana generasi masa kini tidak lagi begitu bermintat untuk mempelajarinya.

Jelasnya lagi, kemudahan seperti hospital, klinik dan ubat-ubatan moden menjadikan ilmu perubatan tradisional semakin dilupakan.

"Malah ada sesetengah pengamal perubatan tradisional sendiri sukar untuk berkongsi maklumat dan amalan mereka kerana khawatir ia akan menjasaskan pendapatan mereka sebagai pengamal perubatan."

"Selain itu, kurang atau hampir tiada usaha mendokumentasikan amalan serta pengetahuan perubatan tradisional juga menyebabkan ia (amalan) semakin pupus di dalam zaman," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Pendokumentasian Pengetahuan Tradisi Orang Asli: Satu Model Dunia sempena seminar Pemuliharaan dan Pemerkaasan



DR. NORINI HARUN



G. PALANIVEL merasmikan seminar Pemuliharaan dan Pemerkaasan Pengetahuan Tradisi herba baru-baru ini sambil diperhatikan Dr. Abdul Rahim (kanan) dan Abdul Latif (dua dari kanan).

Pengetahuan Tradisi 2014 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Seminar tersebut dirasmikan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel yang turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha kementerian terbabit, Datuk Dr. Abdul Rahim Nik dan Ketua Penggarah FRIM, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod.

Ujar Dr. Norini yang juga Timbalan Ketua Penggarah FRIM, kekayaan sumber biologi dan asimilasi pengetahuan tradisi masyarakat majmuk merupakan khazanah yang amat bermilai dan perlu dipertahankan daripada pupus.

"Justeru, FRIM mengambil langkah proaktif untuk mendokumentasikan pengetahuan tradisi terutamanya aspek penggunaan tumbuhan ubatan oleh komuniti Orang Asli Semenanjung Malaysia sejak tahun 2007 lagi," katanya.

Usaha tersebut disusuli beberapa lagi projek dokumentasi komprehensif pengetahuan tradisi masyarakat Melayu pada tahun 2013.

Apa yang menarik adalah, kajian yang dipelopori institut tersebut adalah unik kerana penyelidik turut mengambil maklum hak komuniti



EKSTRAK serta kandungan sebatian aktif yang terdapat di dalam tumbuhan herba adalah amat bermilai.

dikomersialkan secara besar-besaran?

"Di sini pentingnya peranan institut dalam mencari satu mekanisme perkongsian faedah agar kedua-dua pihak mendapat manfaat daripada usaha ini (pendokumentasian)," katanya.

Sehingga kini, menerusi usaha pendokumentasiannya tersebut, hampir 18 herba telah dikenal pasti yang sering digunakan oleh Orang Asli dari suku kaum Semelai berpotensi untuk dikomersialkan.

Namun, apa pulangan yang boleh diberikan kepada suku kaum tersebut bagi membantu serta membangunkan sosio-ekonomi mereka khasnya apabila herba-herba tersebut berjaya dikomersialkan.

Projek dokumentasi yang diusahakan oleh FRIM itu bermula dengan perbincangan secara mendalam bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) seterusnya bersama tok batin dan ketua kampung yang terlibat.

Setelah mendapat kebenaran daripada tok batin, satu bengkel khas diwujudkan dalam kalangan masyarakat orang asli bagi menerapkan pemahaman akan perihal pengetahuan tradisi tersebut didokumentasikan.

Bengkel tersebut dikenali sebagai Bengkel Kesedaran dan juga usaha bagi mendapatkan keizinan sub etnik untuk melibatkan diri dalam projek (*prior informed consent*).

Bengkel khusus itu diadakan sebanyak dua fasa bagi melatih masyarakat orang asli mengenai kaedah kutipan sampel tumbuhan ubatan sebagai koleksi herbarium dan bagaimana proses peng dokumentasian dilakukan.

Masyarakat Orang Asli turut diberi penerangan bahawa betapa pentingnya memulihara dan memastikan penggunaan tumbuhan herba dari hutan secara tidak keterlaluan.

Seterusnya, mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Perhutanan Negeri untuk memasuki kawasan hutan simpan bagi mendapatkan spesimen tumbuhan



Headline	Kepakaran orang asli		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Color	Full Color
Date	15 Sep 2014	Circulation	178,211
Section	Supplement	Readership	534,633
Page No	1to3	ArticleSize	2561 cm²
Language	Malay	AdValue	RM 50,616
Journalist	Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD	PR Value	RM 151,849
Frequency	Daily		



herba untuk tujuan rekod dan simpanan.

Pada masa yang sama satu analisis daripada pihak yang berkepentingan seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat serta masyarakat Orang Asli serta agensi kerajaan turut dilakukan.

Hasil spesimen yang telah dikumpulkan itu juga akan dianalisis di makmal bagi menyarang fitokimia dan bioaktiviti seperti sebatian saponins, flavonoids, tannin, triterpenes dan sterols pada tumbuhan herba yang telah dikumpulkan.

Bagi penyaringan bioaktiviti, antara sebatian yang ditentu sahakan sebagai agen therapeuitic dan kosmoseutikal adalah seperti antimicrobial, antiinflammatory, antioksidan, antidiabetik, biopesticidal dan sitotoksiti (cytotoxicity).

Setelah mengenal pasti sebatian aktif yang diperlukan, satu prototipe produk kesihatan akan dihasilkan sehingga ke peringkat ia boleh dikomersialkan.

Hasil pengkomersialan produk kesihatan tersebut akan disumbangkan kepada komuniti Orang Asli bagi membantu membangunkan sosio ekonomi masyarakat Orang Asli di seluruh negara.

Kini, satu mekanisme yang telus dan tepat perlu dibangunkan agar sebahagian besar masyarakat Orang Asli perlu mendapat manfaat daripada pengkomersialan tersebut.

Namun, segalanya memerlukan persetujuan daripada kedua-dua belah pihak dengan menjadikan tok batin mahupun wakilnya duduk bersama sebagai sebahagian daripada ahli atau komuniti penyelidikan FRIM bagi menjayakan usaha tersebut.

Ia bukan sahaja dapat memudahkan lagi usaha mendokumentasikan pengetahuan tradisi malah dapat menjalinkan satu kerjasama yang lebih erat di antara agensi kerajaan iaitu FRIM dan masyarakat orang asli.

▶
Info

Seminar Pemuliharaan dan Pemerkaasan Pengetahuan Tradisi 2014

- ➔ Tema: Melestarikan Legasi Pengetahuan Tradisi
- ➔ Pengetahuan tradisi ialah pengetahuan khusus yang diamalkan oleh sebuah komuniti berteraskan pengalaman, permerhatian dan interaksi mereka dengan persekitaran bagi meneruskan kelangsungan hidup.
- ➔ Selain makanan, penyediaan ramuan penawar atau ubat-ubatan untuk kesihatan merupakan elemen yang penting bagi menjamin kelestarian komuniti.
- ➔ Sejarah perubahan turut merakamkan pengetahuan tradisi sering menjadi kunci kejayaan inisiatif penerokaan dan pembangunan ubat-ubatan moden.
- ➔ Objektif seminar
- ➔ Memupuk kesedaran mengenai kepentingan pengetahuan tradisi.
- ➔ Berkongsi pengalaman dalam perlaksanaan inisiatif pemuliharaan dan pemerkaasan pengetahuan tradisi.
- ➔ Membentuk hala tuju pemuliharaan dan pemerkaasan pengetahuan tradisi.

ANTARA produk yang dihasilkan oleh FRIM.

Pengetahuan tradisi didokumentasikan

SUSULAN daripada projek pendokumentasian pengetahuan tradisi Orang Asli tersebut, kumpulan penyelidik FRIM yang terlibat telah diberi mandat untuk turut mendokumentasikan pengetahuan tradisi orang Melayu (perubatan Melayu).

Mandat tersebut telah diberikan oleh Kementerian Pertanian Industri Asas Tani dengan geran sebanyak RM3.6 juta menggunakan model yang sama.

Kini, terdapat 1,310 spesimen yang berjaya dikumpulkan daripada seramai 658 orang peserta program itu yang terdiri daripada sub etnik yang terlibat.

Sebanyak 60 spesies telah dianalisis dan didapati sebanyak 18 herba memiliki pelbagai potensi untuk dimajukan dengan menghasilkan sebanyak 184 ekstrak dan 46 minyak pati (essential oil).

Penemuan tersebut merupakan antara satu lagi sumber kekayaan baharu kepada negara.

Usaha pendokumentasian oleh FRIM tersebut boleh diilahib sebagai langkah penting ke arah pemuliharaan dan perlindungan terhadap pengetahuan tradisi dalam kalangan masyarakat Orang Asli di negara ini.

Malah, projek itu juga turut menyumbang kepada perlaksanaan obligasi negara terhadap Konvensyen Kepelbagaian Biologi yang menjurus kepada pemeliharaan dan penggunaan sumber biologi secara mampam.

Bagi Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod, kepelbagaian khazanah biologi beserta *pot-pouri* pengetahuan tradisi masyarakat majmuk, menjadikan Malaysia sebuah negara yang amat berpotensi untuk maju dalam sektor bioekonominya.

Oleh itu, katanya usaha bagi

memulihara dan memperkasa pengetahuan tradisi menjadi suatu agenda kebangsaan yang penting untuk dijawab.

"Inisiatif pengumpulan dan dokumentasi pengetahuan tradisi secara sistematis amat perlu bagi memastikan khazanah ilmu yang telah ternilai tersebut tidak lenyap begitu sahaja."

"Selanjutnya kepakaran anak watan jugalah yang dititik berat bagi memperkasa pengetahuan tradisi secara bersistematis amat perlu bagi memastikan khazanah ilmu yang telah ternilai tersebut tidak lenyap begitu sahaja."

Sementara itu, seorang wakil komuniti Orang Asli, Amelia Bah Azmi, 21, berkata, projek pendokumentasian tersebut banyak membantu membuka mata golongan belia dalam kalangan masyarakat mereka terhadap kepentingan pengetahuan tradisi yang diambil sejak turun temurun.

Ujarnya, juga merupakan pembantu am projek tersebut, pengetahuan tradisi yang diwarisi nenek moyang mereka semakin lenyap kerana ia hanya diperturunkan menerusi lisan dan sukar untuk generasi seterusnya untuk mencari rujukan.

"Tanpa proses pendokumentasian ini, lama kelamaan pengetahuan tradisi ini akan pupus dan masyarakat kami akan kehilangannya, justeru itu saya sendiri amat menyokong usaha jabatan (JKOA) dan agensi terlibat seperti FRIM untuk mendokumentasikannya agar ia dapat digunakan sebagai rujukan oleh generasi akan datang," katanya.

PENGLIBATAN komuniti Orang Asli dalam proses pengumpulan spesimen amat penting bagi memudahkan proses peng dokumentasian.



ISNIN 15 SEPTEMBER 2014

UTUSAN MALAYSIA